

KEBANGKITAN KUASA KETENTERAAN CHINA PASCA PERANG DINGIN: ANCAMAN ATAU AMAN?

(China's Post Cold War military rise: Peace or Threat?)

Hisham Kamal Othman Kamal, Nor Azizan Idris & Zarina Othman

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan berkenaan kebangkitan kuasa ketenteraan China merangkumi tujuan dan strategi kebangkitan, rasional bagi perbelanjaan untuk ketenteraan serta reaksi dari negara serantau. Dalam pada itu, artikel juga berkongsi pandangan sarjana realis dan neorealis bagi membicarakan fenomena tersebut. Semasa era Perang Dingin, keunggulan kuasa AS telah cuba diseimbangi Kesatuan Soviet namun kejatuhan blok tersebut pada tahun 1991 mewujudkan ke-lompangan persaingan kuasa sehingga mengesahkan AS sebagai kuasa unipolar global dalam sistem antarabangsa yang anarki. Dalam era pasca Perang Dingin hari ini, kebangkitan kuasa ketenteraan China mencabar kembali percaturan kuasa serantau apabila China memulakan tindakan permodenan dan pemerksaan kuasa ketenteraan lanjutan pertumbuhan ekonomi drastik mereka di peringkat global serta serantau. Walaupun China mempertahankan kebangkitan kuasa ketenteraan adalah aman dan hanya bertujuan melindungi kepentingan mereka namun tetap menimbulkan kebimbangan AS termasuk negara serantau yang menganggap kebangkitan tersebut sebagai ancaman. Artikel ini menganalisis kebangkitan kuasa ketenteraan China untuk menilai sama ada kebangkitan tersebut secara aman atau memberikan ancaman.

Katakunci: China, Pakatan Keselamatan AS-Jepun, Pasca Perang Dingin, Rantau Asia Timur, Kuasa Unipolar dan Kebangkitan Kuasa Ketenteraan.

ABSTRACT

This article discusses on the rise of China's military power that consists the aim and strategies behind its military rise; the rationale for China's military budget spending and the reaction from neighboring countries. Also, the article shares some views from the realist and neorealist paradigm regarding the phenomena. During the Cold War era, the US supremacy was then being challenged by the Soviet Union, however with the demise of the Soviet in 1991 has left a power vacuum for power that has throned the US as a global unipolar power in the anarchic international orde. Today, in the post Cold War era, the rise of China's military clout has engaged the regional challenge for power when the Chinese began its regional military modernization programme. Although China repeatedly announced that its action is merely to protect its regional interests yet its actions still created wariness among the regional neighbours especially the US

that assumed the rise as an imminent threat. The article also analyzes China's military rise in order to understand whether the rise would be in a peaceful manner or presenting a threat.

Keywords: China, the US-Japan Security Treaty, Cold War, East Asia Region, Unipolar Power and Military Rise.

PENGENALAN

Clausewitz menyatakan bagi negara mengekalkan keamanan adalah dengan melakukan persediaan untuk berperang. Pada dasarnya, kepemimpinan China menyifatkan dua dekad pertama kurun ke-21 sebagai peluang strategik yang terbuka. Pada era tersebut, keadaan peringkat domestik dan antarabangsa dianggap sesuai bagi China membangunkan kuasa secara menyeluruh dengan menggabungkan elemen kuasa negara seperti keupayaan ekonomi, kuasa ketenteraan dan hubungan diplomasi. Pada pandangan kepemimpinan China, pembangunan kuasa menyeluruh dijangka memenuhi objektif strategik mereka seperti meneruskan pemerintahan Parti Komunis China (CPC), mengekalkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan politik domestik, mempertahankan kedaulatan negara serta integriti wilayah termasuk menjamin status China sebagai sebuah negara berkuasa besar.

Sehubungan itu, kepemimpinan China secara berterusan memberikan penekanan terhadap pencapaian penandaarasan dalam ketenteraan dan ekonomi menjelang tahun 2020. Ini termasuk melakukan penstrukturan semula ekonomi bagi mengekalkan pertumbuhan dan meningkatkan taraf kehidupan warga mereka melalui mempromosikan kestabilan, melaksanakan pencapaian utama dalam permodenan ketenteraan, memiliki keupayaan berperang, memenangi potensi konflik serantau, mengawal keselamatan laluan maritim, mempertahankan tuntutan dalam isu pertikaian di Laut China Selatan serta Laut China Timur di samping meningkatkan pertahanan persempadanan kawasan Barat China. Kenyataan kepemimpinan China menunjukkan pembangunan permodenan ketenteraan penting untuk mencapai status negara berkuasa besar. Di samping itu, pembangunan dan permodenan ketenteraan dijangka menjadi langkah cegahrintang kritikal untuk pertahanan serta menghalang sebarang ancaman luar yang mampu menjejaskan kepentingan sekiranya langkah cegahrintang tersebut gagal. Artikel ini dibahagikan kepada tujuh perbahasan mengenai ketenteraan China seperti tujuan pembangunan dan permodenan ketenteraan; strategi dalam kebangkitan kuasa ketenteraan; strategi keselamatan negara; pandangan teori realis dan neorealis; rasional perbelanjaan ketenteraan; bentuk kebangkitan kuasa ketenteraan serta reaksi negara serantau terhadap langkah permodenan ketenteraan mereka.

TUJUAN PEMBANGUNAN DAN PERMODENAN KETENTERAAN

Sejak China memperkenalkan dasar reformasi dan pembukaan pada penghujung tahun 1978, strategi China untuk mencapai sasaran mereka secara relatifnya kekal konsisten. China tidak mengambil sebarang tindakan mencabar orde global semasa, sebaliknya mengambil pendekatan pragmatik dalam hubungan antarabangsa melalui memperkasakan pertumbuhan ekonomi, memodenkan tentera serta memperkukuhkan pegangan kuasa parti pemerintah. China juga

mengambil langkah mengimbangi kedua-dua kepentingan mereka seperti meyakinkan negara serantau bahawa kebangkitan mereka adalah aman dan dalam masa yang sama meningkatkan penguasaan terhadap tuntutan bertindih ke atas wilayah serta kedaulatan. China menganggap hubungan baik dengan negara serantau dan AS penting bagi jaminan kestabilan serta pembangunan negara. China juga dapat menerima hakikat AS sebagai aktor global dan serantau dominan yang bukan sahaja dapat memberikan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi mereka tetapi turut berupaya menggugat kebangkitan ketenteraan mereka. Dalam pada itu, China tetap bera rasa bimbang sekiranya negara serantau mula menganggap mereka sebagai ancaman dan melakukan keseimbangan kuasa melalui tindakan memperkasakan ketenteraan secara unilateral atau melalui pakatan dengan AS. Misalnya, China menganggap Pakatan Keselamatan AS-Jepun dan Pakatan AS-Korea Selatan tajaan AS pada hari ini sebagai usaha membendung serta mengimbangi kebangkitan ketenteraan mereka yang dianggap masih mencerminkan pemikiran era Perang Dingin.

STRATEGI CHINA DALAM KEBANGKITAN KETENTERAAN

Dalam konteks kebangkitan kuasa ketenteraan China, antara sasaran dalam Strategi Perdana mereka adalah untuk membangunkan profesionalisme ketenteraan yang berkeupayaan mempertahankan serangan luaran dan melaksanakan operasi luar negara terutamanya di sepanjang persempadanan negara yang masih bertikai. Tentera Pembebasan Rakyat China (PLA) merupakan angkatan tentera terbesar dunia dengan 2.3 juta anggota aktif manakala 1 juta lagi berkhidmat dalam tentera simpanan dan pasukan Polis (separa tentera) termasuk tambahan 10 juta anggota dalam pelbagai organisasi militia. **Rajah 1** menunjukkan elemen ketenteraan yang dilaksanakan bagi membangunkan kekuatan ketenteraan secara profesional di samping penekanan terhadap keupayaan asimetri dan konvensional sebagai salah satu dari empat sasaran asas Strategi Perdana China.

RAJAH 1 Strategi Perdana China secara keseluruhan



Sumber: Olahan Penyelidik


STRATEGI KESELAMATAN NEGARA

Menurut Swaine (2011), sejak pembukaan dan permulaan reformasi ekonomi oleh Mao pada penghujung tahun 1970an, para pemimpin China telah meneruskan strategi perdana yang pragmatik secara meluas bertujuan mengekalkan tahap tinggi bagi pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan tersebut merupakan elemen penting kepada kejayaan beberapa halatuju utama negara seperti berikut:-

- i. Mengekalkan orde sosial dan pertumbuhan domestik sebagai langkah kritikal terhadap pengekalan kestabilan serta kuasa mereka;
- ii. Melaksanakan perolehan ketenteraan dan sumber lain yang dianggap penting bagi mempertahankan kedaulatan serta wilayah dari ancaman luar termasuk tindakan menjejaskan usaha terhadap proses reunifikasi Taiwan di samping menyelesaikan pertikaian tuntutan kepulauan dengan negara serantau; dan
- iii. Mendapat kejayaan sebagai sebuah negara kuasa besar di peringkat antarabangsa selaras dengan sejarah mereka sebagai negara berstatus kuasa besar pada suatu ketika dahulu.

Dalam pada itu, pemimpin kanan China berpandangan bahawa kesinambungan hidup CPC dianggap syarat penting bagi kejayaan halatuju tersebut. Justeru, Beijing secara tegas mengemukakan ciri polisi luar mereka yang bersifat aman, mementingkan kerjasama dan persahabatan dengan semua negara sebagai pencarian bagi memenuhi faedah bersama serta melaksanakan corak kerjasama bersifat menang-menang dalam hubungan antara negara. Menurut Xiao dan Tanner (2010), China sedang meneruskan beberapa pendekatan menyeluruh melalui polisi politik dan diplomatik dalam hubungan bilateral termasuk multilateral antara negara bagi mendapatkan faedah bersama, mengekalkan ikatan persahabatan dengan semua negara serta institusi di samping memperkukuhkan hubungan kondusif terhadap pertumbuhan ekonomi.

RAJAH 2 Tujuan pembangunan dan permodenan ketenteraan China




Sumber: Olahan Penyelidik

Dari **rajah 2**, salah satu dari empat sasaran asas Strategi Perdana China adalah membangunkan kekuatan ketenteraan secara profesional melalui penekanan terhadap keupayaan ketenteraan bersifat asimetri dan konvensional. Di bawah sasaran tersebut, China memberikan tumpuan terhadap tiga elemen utama seperti elemen keyakinan yang memberikan jaminan kepada negara serantau bahawa kebangkitan kuasa ketenteraan adalah bersifat aman dan tidak mengancam mana-mana negara; elemen penguasaan dengan menumpukan terhadap soal integriti wilayah berkaitan kedaulatan serta tuntutan ke atas kepulauan serta wilayah yang bertikai; dan elemen cegahrintang dengan melakukan perancangan dan senantiasa berada dalam kedudukan kesiapsiagaan bagi menangani sebarang ancaman atau serangan luaran.

Di sebalik harapan China mempamerkan imej sebagai sebuah negara sedang membangun dengan melaksanakan strategi pertumbuhan aman, usaha mempertahankan kedaulatan negara dan integriti wilayah (yang dipamerkan melalui pertumbuhan ekonomi dan keupayaan ketenteraan) sering dimanifestasikan melalui sikap serta tindakan China yang mencetuskan kebimbangan di kalangan negara serantau terhadap tujuan sebenar mereka. Sebaliknya, kenyataan rasmi yang dikeluarkan media sering menunjukkan China hanya bertindak balas ke atas ancaman luar yang menjejaskan kepentingan mereka. Tambahan lagi, sikap ketidaktelusan China terhadap keupayaan sebenar kekuatan ketenteraan termasuk sering melakukan keputusan strategik secara unilateral telah meningkatkan kebimbangan serantau terhadap niat sebenar China.

Dalam pada itu, kekurangan usaha China untuk bersikap lebih telus hanya meningkatkan kebimbangan terutamanya ketika program pembangunan dan permodenan PLA sedang rancang dilaksanakan. Dalam tahun 2004, Presiden China Hu Jintao mengeluarkan kenyataan bagi misi baru bersejarah PLA dengan memberikan perhatian khusus kepada perubahan penilaian kepimpinan China terhadap keadaan persekitaran keselamatan antarabangsa termasuk perluasan definisi keselamatan negara. Misi tersebut disusun semula semasa pindaan terhadap Perlembagaan CPC dalam tahun 2007 seperti pada **rajah 3**.

RAJAH 3 Empat misi baru bersejarah PLA



Sumber: James Mulvenon (2009) dalam *Chairman Hu and the PLA's "New Historic Missions"*. *China Leadership Monitor*

Dari **rajah 3**, empat misi digariskan seperti menyediakan jaminan penting bagi kuasa kepada CPC melaksanakan kedudukan pentadbiran; menyediakan jaminan keselamatan yang utuh untuk melaksanakan langkah memelihara jangkamasa peluang strategik bagi pembangunan negara; menyediakan sokongan strategik yang kukuh bagi mengawal kepentingan negara; dan memainkan peranan penting dalam mengawal keamanan global di samping mempromosikan agenda pembangunan secara bersama. Menurut sumber rasmi China, faktor yang menggerakkan misi tersebut adalah seperti perubahan dalam persekitaran keselamatan China, cabaran dan keutamaan terhadap pembangunan China serta harapan menyatukan peranan PLA dengan objektif CPC. Xu Caihou menyatakan bahawa misi bersejarah tersebut menuntut keperluan baru PLA melalui peranan CPC. PLA juga sedang melaksanakan pembaharuan yang sesuai dengan strategi pembangunan negara termasuk mengadaptasikan PLA kepada perubahan baru dalam perkembangan ketenteraan global. Ketika misi tersebut tidak dijangka menggantikan kepentingan terhadap kedaulatan pertahanan China, implikasi daripada permodenan PLA dijangka meningkatkan persediaan penyertaan China dalam operasi pengaman antarabangsa dan bantuan kemanusiaan termasuk berinteraksi dengan komuniti antarabangsa. Keadaan ini mampu memberikan PLA lebih banyak peluang untuk belajar dari tentera negara lain di samping meningkatkan usaha memperbaiki logistik serta keupayaan mereka.

Secara umumnya, Teori Ancaman China yang diwujudkan AS telah meningkatkan kebimbangan banyak negara terhadap ancaman dari kebangkitan kuasa China walaupun tiada asas kukuh. Pada ketika ini, AS masih memegang status negara hegemon global yang masih tidak dicabar mana-mana negara. AS juga merupakan negara memperuntukkan perbelanjaan tertinggi bagi pertahanan dan ketenteraan berbanding negara lain di dunia. China pula mula menunjukkan peningkatan drastik dalam beberapa tahun kebelakangan ini ke arah menjadi sebuah negara berkuasa besar. Dalam konteks kebangkitan kuasa China, mereka hanya bertindak sebagai sebuah negara berkuasa besar yang berdaulat dengan meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara sepertimana yang akan dilakukan oleh mana-mana negara yang sedang mengalami peningkatan kuasa. Walaupun China mengambil langkah melaksanakan pembangunan dan permodenan ketenteraan, namun keupayaan ketenteraan mereka masih perlu melalui pelbagai perubahan signifikan untuk berada pada tahap yang sama dengan AS.

Selain itu, gabungan antara pertumbuhan ekonomi China yang memberangsangkan dengan urus tadbir politik mereka yang tidak dapat dijangkakan mewujudkan kebimbangan pelbagai negara seluruh dunia. Kepimpinan China sedar tentang langkah yang perlu dilaksanakan bagi menstabilkan kebimbangan tersebut dan sedang melaksanakan usaha mewujudkan suasana antarabangsa yang lebih kondusif terutamanya bagi generasi hadapan. Untuk menjadikan fenomena kebangkitan kuasa China sebagai langkah yang kurang memberikan ancaman, kerajaan China telah mengambil beberapa pendekatan seperti menaja pameran di negara luar, mempromosikan program bahasa China dan sebagainya. Pemimpin China Wen Jiabao turut menggariskan beberapa intipati penting mengenai kebangkitan aman China seperti berikut:-

- i. Kebangkitan kuasa China bergantung kepada suasana dan persekitaran global yang harmoni serta stabil. Sebagai balasan, China akan menyumbang kembali bagi tujuan keamanan dunia;
- ii. China dijangka bangkit dengan aman untuk tujuan pembangunan;
- iii. Kebangkitan China bergantung kepada sumber sendiri dan pasaran terbuka;
- iv. China bersedia bekerja keras dalam jangkamasa panjang walaupun untuk beberapa generasi yang akan datang demi kemakmuran ekonomi; dan
- v. Walaupun China berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi global memberangsangkan, China dijangka tidak mengejar kedudukan dan status hegemon global atau menjadi ancaman kepada mana-mana negara.

Sejak lima tahun kebelakangan ini, kepimpinan China sering berwaspada dalam menguruskan elemen nasionalisme dalaman serta unilateralisme AS bagi usaha sama global seperti melaksanakan kempen memerangi ancaman pengganas. Kini, terdapat beberapa tanda yang menunjukkan kerjasama dengan AS dalam menangani ancaman pengganas telah hampir ke penghujung. Sekiranya AS mengubah polisi mereka untuk lebih bertegas terhadap China, kekeruhan dalam hubungan Sino-AS dijangka timbul semula dan menjejaskan rancangan China untuk bangkit dengan aman. Dari satu sudut, AS dianggap bersikap lebih provokatif terhadap China sedangkan China hanya bersikap lebih defensif. Namun, jika diperhatikan hubungan tersebut dari sudut yang lebih luas, China boleh melakukan inisiatif dengan menukar ideologi Komunisme dan amalan *authoritarian* mereka kepada demokrasi kerana AS percaya bahawa negara demokratik tidak akan berperang antara satu dengan lain di bawah doktrin tersebut. Pada hakikatnya, keupayaan China mencapai taraf kuasa ekonomi global dan potensi status hegemon serantau tidak perlu dipertikaikan memandangkan pelbagai perubahan yang telah dilaksanakan pemimpin China dalam bidang ekonomi di samping usaha membangunkan serta memodenkan kuasa ketenteraan termasuk melakukan langkah penstrukturan semula polisi keselamatan mereka di rantau ini.

Kebangkitan China bermula sejourus era Perang Dunia Kedua dan awal era Perang Dingin iaitu daripada peringkat pembinaan semula negara China oleh Mao Tze-Tung pada tahun 1949 dan diteruskan Deng Xiaopeng bagi memastikan pelbagai perubahan serta penstrukturan semula dilaksanakan supaya China menjadi lebih terbuka kepada dunia luar. Deng memulakan langkah pembaharuan ekonomi dengan memperkenalkan Empat Langkah Permodenan pada tahun 1979 bagi memperkasakan dan memodenkan empat bidang utama seperti pertanian, perindustrian, pertahanan, sains dan teknologi. China telah mempercepatkan proses permodenan negara dengan meningkatkan aktiviti dagangan luar seperti memperolehi peralatan dan mesin dari Jepun serta negara Barat seperti Jerman serta Kesatuan Soviet. Selain itu, China memberikan penekanan terhadap pertumbuhan negara melalui aktiviti eksport yang meluas di samping merealisasikan Empat Langkah Permodenan melalui pelbagai bantuan dana asing, pasaran asing, perkembangan teknologi dan pengalaman pengurusan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Keruntuhan blok Komunis Kesatuan Soviet menyaksikan kemunculan kuasa baru China yang masih meneruskan asas ideologi yang sama.

China mula bangkit daripada pemencilan semasa tempoh Revolusi Budaya kepada aktor yang aktif dan penting dalam sistem antarabangsa. Misalnya, pada tahun 1971, Republik Rakyat China berjaya memperolehi kedudukan di kalangan lima negara ahli tetap Majlis Keselamatan

PBB. Ini menunjukkan China telah memiliki kemampuan bersuara termasuk kuasa veto sepertimana kuasa besar lain. Selain itu, status “negara terpilih” yang dianugerahkan pada China melalui perdagangan antarabangsa di samping menjadi negara ahli Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO) memberikan kelebihan untuk menjalinkan hubungan dagangan dengan banyak negara lain. Kemampuan China menjadi sebuah potensi kuasa hegemon serantau dan kuasa ekonomi global utama pada masa hadapan adalah tidak mustahil untuk dicapai berdasarkan perkembangan ekonomi serta kemajuan teknologi yang bermula dari pelaksanaan Dasar Pintu Terbuka semasa kepimpinan Deng hingga ke hari ini.

Pada era pasca Perang Dingin ini menyaksikan pertumbuhan pesat dan memberangsangkan China dalam ekonomi sehingga berjaya mengatasi negara Jepun pada tahun 2010 untuk berada di kedudukan kedua global selepas AS. Kejayaan drastik China dalam ekonomi global menuntut China untuk turut membangunkan dan memodenkan kuasa serta kemampuan ketenteraan mereka. Walau bagaimanapun, langkah China tersebut mula meresahkan AS yang kini harus berhadapan dengan sebuah lagi ancaman berpotensi selepas kejatuhan Kesatuan Soviet yang dijangka menjejaskan kedudukan hegemon dan pengaruh mereka di rantau Asia Timur. Bagi menangani kebangkitan kuasa ketenteraan China, AS menggunakan kesempatan untuk meningkatkan propaganda dan persepsi umum terhadap China seperti mewujudkan Teori Ancaman China dan mengenakan Dasar Pembendungan dengan AS mencanangkan kebangkitan China berpotensi mengancam keselamatan, kestabilan termasuk keamanan serantau serta memiliki kemampuan mendominasi negara-negara di rantau Asia Timur. Dari perspektif AS, kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi serantau dan global memberikan peluang baik bagi mereka memperluaskan aktiviti dagangan serta pasaran antara rantau Hemisfera Barat termasuk Eropah dengan rantau Asia. Namun, kebangkitan China sebagai kuasa ketenteraan serantau memberikan perspektif berbeza pada AS memandangkan kebangkitan tersebut berpotensi menggugat perancangan, kepentingan dan agenda ketenteraan mereka di rantau ini.

Dalam pada itu, AS turut menganggap kebangkitan kuasa ketenteraan China memitigasi dan mencabar kedudukan Pakatan Keselamatan AS-Jepun di rantau ini. Sebaliknya, China pula mendakwa AS cuba menghalang kebangkitan dan pengaruh ketenteraan mereka melalui pembukaan pangkalan tentera serta meneruskan penempatan tentera mereka di wilayah Jepun termasuk di sekeliling kawasan luar sempadan negara China. China bimbang kedudukan AS sebagai kuasa hegemon serantau di kawasan Hemisfera Barat dijangka turut menjadi kuasa hegemon di rantau ini dengan memperkukuhkan kedudukan dan pengaruh mereka dengan negara pakatan serantau terutamanya Jepun melalui Pakatan. Berdasarkan sejarah, China bukan negara berorientasikan imperialis dan pada hakikatnya, China hanya mengalakan fokus terhadap pertumbuhan termasuk pembangunan ekonomi serantau serta global. Pembangunan dan permodenan ketenteraan hanya sebagai langkah sokongan China untuk mengawal segala aset serta kepentingan mereka di dalam termasuk luar negara. Menurut Tow dan Stuart (1981), pada pertengahan tahun 1970an, China telah merangka strategi dan terlibat dalam program permodenan ketenteraan yang merupakan aspek penting bagi mereka untuk mula memperolehi senjata serta teknologi ketenteraan dari negara Barat.

Selain itu, kekalahan tentera Iraq kepada tentera AS dan tentera bersekutu ketika Perang Teluk antara tahun 1990-1991 turut memberikan kejutan serta pengajaran kepada perancang pertahanan China. Ini kerana China (seperti Iraq) memiliki pelbagai peralatan ketenteraan lapuk dari negara bekas Kesatuan Soviet. Kejatuhan Kesatuan Soviet dan kegagalan tentera Iraq memper-

tahankan negara mereka dari kuasa AS telah mendesak China mempercepatkan perancangan serta tindakan bagi mengubah halatuju revolusi dalam hal ehwal ketenteraan. Perancangan ini termasuk merangka strategi baru bagi berhadapan dengan AS terutamanya dalam menangani konflik Taiwan. Dalam erti kata lain, China kini perlu memberikan tumpuan terhadap soal kualiti dari kuantiti dalam ketenteraan. Walaupun China mengambil tindakan mengurangkan saiz tentera PLA namun perbelanjaan ke atas peralatan anggota tentera telah ditingkatkan secara mendadak seperti pada **jadual 1**.

JADUAL 1 Perbelanjaan Tentera PLA dari tahun 2004–2014

BELANJAWAN KETENTERAAN CHINA (dalam USD\$ bilion)										
Tahun										
2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
58.0	65.0	78.0	85.0	96.0	119.0	135.0	121.0	16.1	139.2	13.5
-	+7	+1	-7	+1	+23	+16	-14	+4	-	-
		3		1				5.1	26.9	7.7

Sumber: SIPRI 2014

Jadual 1 menunjukkan peningkatan perbelanjaan PLA dari tahun 2004 sebanyak USD\$58 bilion kepada USD\$131.5 bilion dalam tahun 2014. Walaupun terdapat peningkatan perbelanjaan ketenteraan namun berlaku sedikit penurunan antara tahun 2010 dan 2011 serta antara tahun 2012 hingga 2014. Walaupun AS terus mendakwa kebangkitan ketenteraan China memberikan ancaman, China tetap mempertahankan yang kebangkitan mereka adalah secara aman. Justeru, China memperkenalkan Doktrin Pembangunan Aman bagi menyatupadukan rakyat China di samping mempromosikan keamanan dalam persekitaran serantau dan antarabangsa. Doktrin ini juga mempamerkan langkah China dalam memberi penekanan terhadap penggunaan elemen kuasa lunak melalui tindakan mereka di arena antarabangsa termasuk menunjukkan keupayaan serta ciri kepimpinan global yang bertanggung jawab terhadap komuniti antarabangsa.

Di samping itu, China juga berikrar memberikan komitmen menyeluruh bagi menyelesaikan pelbagai isu domestik dan serantau di samping meningkatkan kesejahteraan hidup warga mereka sebelum mengambil langkah mencampuri urusan hal ehwal global. Doktrin ini turut menunjukkan yang China cuba mengelak dari sebarang bentuk konfrontasi di peringkat antarabangsa. Menurut Rourke (2005), kebangkitan kuasa ketenteraan China hanyalah untuk tujuan pertahanan dan pelaburan luar negara termasuk melindungi kepentingan dalam lingkungan kedaulatan mereka. Manakala antara tujuan AS melalui Pakatan dengan Jepun pula adalah untuk menangani realiti kebangkitan kuasa China daripada menjadi kuasa ketenteraan serantau yang mampu menggugat agenda dan kepentingan AS di rantau ini.

Dalam hal ini, kebangkitan kuasa ketenteraan China merupakan desakan penting bagi AS untuk melakukan transformasi semula terhadap kepentingan dan agenda dasar luar serantau semasa serta hadapan. Walau bagaimanapun, usaha AS melaksanakan tindakan strategik terhadap kebangkitan kuasa China ternyata tercabar memandangkan China bukan hanya berstatus sebagai

kuasa ekonomi baru global tetapi turut berpotensi ke arah menjadi kuasa ketenteraan baru serantau. Fenomena kebangkitan kuasa ketenteraan China dijangka mempengaruhi polisi luar AS dan memberikan implikasi terhadap masa hadapan institusi Pakatan AS-Jepun untuk terus kekal relevan di rantau ini.

PANDANGAN REALIS DAN NEOREALIS

Realis mengkonseptualkan bahawa sistem antarabangsa dibentuk melalui kepentingan negara yang bersaing untuk mendapatkan kuasa. Oleh kerana sistem antarabangsa bersifat anarki, negara menggunakan pelbagai kaedah bagi meneruskan agenda masing-masing dan tindakan mereka sering mencetuskan ketegangan serta konflik terutamanya di kalangan negara yang bersaing. Namun begitu, kebangkitan kuasa China dijangka mempunyai potensi besar untuk mewujudkan ketidakstabilan pada sistem semasa dan dijangka menggunakan kuasa mereka bagi meneruskan tujuan strategik di rantau Asia termasuk global. Secara amnya, peningkatan keupayaan China untuk mencapai tujuan strategik misalnya dari melakukan tindakan reunifikasi Taiwan kepada tindakan mempengaruhi keselamatan rantau Asia berkonflik dengan kepentingan AS. Justeru, realis menyokong polisi pembendungan agresif AS untuk menghalang China dari menjadi terlalu dominan. Selain itu, langkah AS meningkatkan kerjasama dengan negara pakatan dapat membantu AS meneruskan polisi mereka tanpa membelakangkan kuasa global lain. Ini penting terutamanya kepada Jepun dan Taiwan yang mula menjadi sensitif terhadap peningkatan pengaruh China. Dengan langkah AS mengukuhkan pakatan dengan Jepun dan meneruskan tindakan penjualan peluru berpandu ke Taiwan, AS dijangka dapat menghalang China dari menggunakan kuasa ketenteraan bagi mencapai tujuan strategik mereka di rantau ini.

Walau bagaimanapun, satu perbezaan aspek dari teori realis menganggap bahawa sistem unipolar semasa adalah kurang stabil berbanding dwipolar ketika era Perang Dingin. Dengan AS sebagai negara adidaya tunggal, negara lain dijangka memilih untuk bersatu bagi menghadapi kuasa AS. Pada masa ini, AS masih mempunyai beberapa negara yang dianggap musuh di rantau Timur Tengah selain dari China dan Korea Utara. Memandangkan ancaman dari negara yang dianggap bermusuhan dengan AS adalah sukar untuk dijelaskan, ancaman kepada AS masih boleh hadir dari pelbagai negara. Misalnya, melalui pertubuhan pro-keganasan seperti Al Qaeda dan ISIS yang memberikan ancaman secara langsung terhadap Barat termasuk ketidaktentuan politik sistem Komunis China yang merupakan institusi bukan liberal serta peningkatan kuasa ketenteraan mereka tidak boleh dipandang sepi. Oleh yang demikian, AS perlu kekal waspada dengan kebangkitan kuasa China dan tujuan strategik mereka walaupun masih terlibat dalam konflik di kawasan lain.

Pandangan Realis

Dalam konteks kebangkitan kuasa China dan perluasan pengaruh serta kuasa AS melalui Pakatan di rantau ini, teori realis mengandaikan negara akan mengimbangi sebarang kebangkitan ancaman dari negara lain. Layne (2008) menyatakan dengan dominasi kuasa ekonomi dan ketenteraan semasa AS, teori keseimbangan kuasa menjangkakan negara lain akan cuba

mengimbangi kuasa AS. Kumpulan perancang pertahanan China juga mendakwa AS merupakan kuasa ketenteraan yang paling memberikan ancaman kepada mereka. Melalui dokumen Kertas Putih Pertahanan China tahun 2000 melaporkan bahawa AS merupakan ancaman utama kepada mereka terutamanya melalui sokongan AS terhadap Taiwan termasuk membangunkan Program Pertahanan Peluru Berpandu Anti-Balistik bersama Jepun di rantau ini. Selain itu, dokumen tersebut mengkritik idea hegemon dan kuasa politik dari negara lain di samping turut mengkritik polisi serta ancaman AS terhadap China. Walau bagaimanapun, persepsi ancaman AS terhadap China juga telah lama menunjukkan pengurangan secara berperingkat walaupun kuasa ekonomi dan ketenteraan AS telah melampaui China.

Pengurangan ancaman AS terhadap China bermula dengan kejayaan pasukan Komunis Mao pada tahun 1949 disusuli dengan campurtangan China di Korea pada tahun 1950 yang menjurus kepada hubungan konflik antara Korea Utara yang disokong China dengan Korea Selatan pada tahun 1950an dan 1960an. Dalam pada itu, krisis berterusan di Semenanjung Taiwan hanya mengukuhkan persepsi AS terhadap kekuatan Komunis China yang dianggap agresif. Perpecahan Sino-Soviet pada akhir tahun 1960an telah melenyapkan persepsi kekuatan ideologi Komunisme global dan pentadbiran Nixon telah mengambil langkah susulan untuk bersikap lebih terbuka dengan China serta mengurangkan persepsi ancaman terhadap mereka. Semasa Kesatuan Soviet menjadi musuh bersama AS dan China, keadaan ini memberikan peluang serta ruang kepada kedua-dua negara menilai kembali potensi mereka untuk menjadi negara sahabat daripada negara musuh yang aktif. Kecenderungan China meningkatkan kepentingan dengan AS memberi ruang kepada mereka menumpukan perhatian terhadap pembangunan ekonomi negara ketika dua kuasa dwipolar AS dan Kesatuan Soviet meningkatkan ketegangan hubungan terutamanya semasa era pentadbiran Reagan pada tahun 1980an.

Menurut Rousseau (2003), bermula tahun 1985, persepsi terhadap ancaman Kesatuan Soviet mula berkurangan di Washington dan Beijing terutamanya semasa pimpinan Presiden Mikhail Gorbachev yang memberi petanda terhadap kelahiran Kesatuan Soviet baru. Walaupun persepsi terhadap Kesatuan Soviet mula menunjukkan perubahan, namun transformasi tersebut mula mempamerkan perubahan sikap terhadap beberapa negara musuh Kesatuan Soviet. Menurut D'souza (1999), dalam keadaan ini, pentadbiran Reagan mula berhenti menganggap Kesatuan Soviet sebagai 'empayar jahat' dan kedua-dua negara telah memulakan rundingan serta menandatangani perjanjian berkenaan kawalan senjata dengan lebih bersemangat. Menurut Johnston (1999), China mula melakukan perubahan terhadap perancangan strategi pertahanan dengan mengubah halatuju mereka dari melakukan persediaan menghadapi peperangan konvensional berskala besar dengan Kesatuan Soviet kepada perancangan kemungkinan peperangan dalam pelbagai medan antara negara pesaing lain yang mempunyai teknologi peperangan canggih. Kejatuhan Kesatuan Soviet pada tahun 1991 telah memperkukuhkan transformasi bagi China dan secara tidak langsung menjana perubahan dramatik dalam hubungan Sino-AS. Kejatuhan tersebut turut memberikan kesan terhadap kelahiran negara Rusia baru yang tidak stabil yang kini dianggap peninggalan bayangan kekuasaan yang hilang di setiap dimensi.

Dari perspektif AS, teori keseimbangan kuasa menjangkakan ancaman China akan meningkat kembali selaras dengan keputusan China memperkasakan kuasa ketenteraan. Dari perspektif ini, kemajuan ekonomi dan ketenteraan China sejak akhir tahun 1970an dianggap AS sebagai peningkatan ancaman terhadap kepentingan mereka. Dalam hal ini, realis berpandangan AS perlu meningkatkan kekuatan ketenteraan mereka di negara sendiri termasuk membina

kekuatan negara pakatan mereka di luar negara bagi menghalang atau memperlambatkan faedah relatif dari kebangkitan kuasa ketenteraan China. Sepertimana kuasa British yang pernah melakukan tindakan keseimbangan terhadap kebangkitan ancaman Jerman semasa Perang Dunia Pertama dan Kedua di rantau Eropah, realis turut menjangkakan AS perlu melakukan perkara yang sama terhadap kebangkitan ancaman kuasa ketenteraan China.

Pandangan Neorealis

Bagi neorealis, mereka mengandaikan negara melakukan tindakan keseimbangan terhadap ancaman yang meningkat. Sumbangan Waltz terhadap pemikiran neorealis merupakan usaha menilai kembali analisis beliau di peringkat sistemik (Waltz 1979). Waltz melakukan andaian di peringkat negara mengenai tingkah laku negara termasuk merujuk kembali hujah dari hipotesis realis klasik bahawa negara melakukan tindakan keseimbangan terhadap negara lain yang lebih berkuasa (Elman 1996 dan Rousseau 2002). Walau bagaimanapun, berasaskan logik andaian peringkat negara, Waltz melakukan andaian baru di peringkat sistemik dengan mengandaikan keadaan dunia berbentuk dwipolar akan menjadi lebih aman daripada multipolar. Dalam hal ini, kejatuhan Kesatuan Soviet telah mengubah proses pengagihan kuasa di peringkat antarabangsa. Walaupun terdapat pandangan bahawa era dwipolar telah berakhir, namun tiada sebarang perjanjian rasmi terhadap penamatan tersebut antara mana-mana kuasa besar. Kagan (2012) mendakwa dunia kini memasuki peringkat unipolar iaitu peringkat yang jarang berlaku dalam sistem antarabangsa dan AS disarankan agar mengambil peluang serta mengeksploitasi keadaan tersebut sementara masih kekal berkuasa.

Walaupun bagaimanapun, Nye (2002) menolak perbincangan mengenai keadaan unipolar ini dan mendakwa bahawa dalam isu yang melibatkan negara berkuasa termasuk AS, Jepun, China dan EU, kesemua negara tersebut sedang bersaing bagi mendapatkan kedudukan. Rousseau (2003) turut bersetuju dengan Nye bahawa keadaan ini merupakan kali pertama dalam sejarah yang menunjukkan jurang pemisahan penting antara polariti ekonomi dan ketenteraan. Dalam konteks ketenteraan, tiada kesatuan oleh mana-mana negara pada hari ini yang dapat menghadapi dan menandingi keupayaan serta kekuatan AS meluaskan kuasa mereka di peringkat global.

Namun begitu, adalah dijangkakan kebangkitan kuasa ketenteraan yang besar di Eropah atau peningkatan dramatik dalam perbelanjaan ketenteraan China termasuk kecanggihan teknologi dalam ketenteraan akan berlarutan hingga ke beberapa dekad mendatang. Namun, jika ditinjau dari konteks ekonomi, perbezaan ini agak kurang menonjol. Ini kerana dengan China memiliki ekonomi separuh dari AS, mereka juga merupakan aktor penting selain dari AS dan Jepun. EU yang kini merupakan negara yang mempunyai integrasi ekonomi sepenuhnya di samping matawang tunggal untuk kebanyakan negara ahli mereka, turut mempunyai jumlah penduduk dan KNK yang melebihi AS. Sekiranya EU, Jepun dan China melakukan gabungan kuasa ekonomi, tindakan tersebut dapat mengurangkan polisi ekonomi luar AS. Walaupun beberapa sarjana realis menyatakan pemisahan antara elemen kuasa ekonomi dan ketenteraan merupakan suatu kejanggalan, namun keadaan ini telah berterusan selama sedekad lalu serta tiada tanda menunjukkan keadaan tersebut akan berakhir dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, berasaskan teori politik antarabangsa, Waltz tidak menghujahkan secara mendalam tentang keadaan unipolar dan hanya mengkhususkan terhadap keadaan dwipolar serta multipolar yang dipercayai mempunyai insentif struktural bagi menggalakkan negara melakukan tindakan keseimbangan secara automatik di samping dapat mengelakkan kebangkitan sebuah kuasa hegemon yang kuat. Walau bagaimanapun, kejatuhan Kesatuan Soviet pada penghujung tahun 1980an telah mengejutkan Waltz dan beliau memberikan penghujahan terhadap isu kejatuhan Kesatuan Soviet serta menganggap keadaan tersebut sebagai pengakhiran era dwipolar. Beliau juga menjangkakan tindakan dari beberapa negara untuk mula melakukan tindakan keseimbangan terhadap AS sepertimana yang diandaikan sebelumnya (Waltz 1993). Namun demikian, sarjana neorealis menjangkakan China sedang melakukan tindakan keseimbangan secara aktif terhadap AS dalam suasana pasca Perang Dingin. Waltz menyatakan bahawa beberapa negara yang lemah dalam sistem akan mula bertindak mengekalkan keseimbangan dan secara tidak langsung membawa sistem kembali kepada keadaan dwipolar atau multipolar. Waltz turut menyatakan yang China dan Jepun sedang melaksanakan tindakan tersebut (Waltz 1997).

Pada awalnya, para pemimpin China dianggap menerima pandangan asas daripada penghujahan Waltz ini. Walau bagaimanapun, dalam Kertas Putih Perancangan Pertahanan China tahun 2000 melaporkan bahawa orde hegemon yang didominasi AS adalah tidak adil dan tidak stabil. Dokumen ini juga melaporkan pola corak ke arah keadaan multipolar dan peningkatan globalisasi ekonomi di samping suasana keselamatan antarabangsa yang secara umumnya mula cenderung terhadap keamanan. Dalam kata lain, perubahan dari keadaan unipolar kepada multipolar meningkatkan kestabilan dalam sistem antarabangsa. Dalam pada itu, China masih belum melakukan tindakan gabungan dengan mana-mana negara bagi tujuan melakukan keseimbangan kuasa terhadap AS. China juga dianggap belum memperkasakan kuasa ketenteraan walaupun beberapa aspek permodenan ketenteraan telah mula dilaksanakan. Namun begitu, Wang (1999) berpandangan bahawa keutamaan terhadap pembangunan ketenteraan telah menjadi keutamaan kedua selepas pertumbuhan ekonomi. Keutamaan ini juga dinyatakan China secara jelas dalam Laporan Pertahanan bagi tahun 2000.

Dalam arena kuasa nuklear pula, China masih belum meluaskan simpanan Peluru Berpandu Balistik Antara Benua (ICBM) walaupun mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk melakukan sedemikian. Peluru berpandu milik China yang dibangunkan pada tahun 1950an dan 1960an dianggap tidak memiliki ketepatan dan jangka hayat yang panjang di samping mudah untuk dihasilkan. Zhang & Montapetro (1999) mendakwa China mempunyai keupayaan menghasilkan lapan peluru berpandu setahun. Walaupun China mempunyai pelaburan terhadap, mereka dapat menghasilkan lebih banyak ICBM yang berpotensi menyerang negara AS. Kini, China hanya meneruskan perbelanjaan sebanyak 1.9 peratus dari KNK untuk tujuan pertahanan. Walaupun maklumat mengenai perbelanjaan sebenar China untuk pertahanan sukar diperolehi akibat kekurangan ketelusan, perbelanjaan China dianggap kurang dari perbelanjaan pertahanan AS (3.4 peratus dari KNK).

RASIONAL PERBELANJAAN KETENTERAAN CHINA

Permodenan *Persenjataan*

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, China telah melaksanakan langkah kajian semula secara menyeluruh terhadap organisasi dan proses permodenan ketenteraan yang pesat. Objektif utama adalah untuk mengubah tentera PLA daripada menghadapi peperangan jangkamasa panjang pada asalnya kepada sebuah angkatan tentera yang berkemampuan bertempur dan memenangi peperangan dalam jangkamasa singkat serta berupaya menangani sebarang konflik di sepanjang wilayah persempadanan negara dari ancaman pesaing yang mempunyai teknologi tinggi. China merujuk gambaran tersebut sebagai usaha tentera PLA memenangi pertempuran tempatan dalam era maklumat. Ini menyebabkan China mula memberikan perhatian kepada pemilikan senjata luar yang berteknologi terkini dan turut melakukan pelaburan besar dalam industri pertahanan tempatan. China juga melakukan reformasi ke atas tentera PLA dari segi penstrukturan semula organisasi dan memperbaharui doktrin peperangan sebagai salah satu usaha permodenan ketenteraan.

Menurut O'Rourke, dari segi peningkatan persenjataan, China sedang memberikan perhatian terhadap memperkasakan kekuatan nuklear strategik mereka. Ini melibatkan perolehan senjata kelas baru bagi peluru balistik antara benua dan kapal selam berkuasa nuklear. Secara tradisi dan teori, kekuatan tenaga nuklear China secara relatifnya adalah masih kecil. China merasakan tindakan memperkasakan kekuatan tersebut perlu apabila sistem pertahanan peluru berpandu negara pesaing mula mencabar keupayaan cegahrintang negara. Perancangan ketenteraan China juga melibatkan fokus terhadap keupayaan strategi A2AD mereka yang berpotensi memberikan risiko besar kepada kapal pengangkut pesawat, landasan kapal terbang dan hab logistik serantau milik negara pesaing. Pada masa ini, China sedang membangunkan keupayaan melaksanakan serangan konvensional serantau dengan memberikan perhatian kepada penggunaan peluru berpandu balistik jarak dekat dan sederhana terutamanya di kawasan Selat Taiwan. Pada tahun 1990an, China telah memulakan program permodenan angkatan Tentera Laut China (PLAN) termasuk meningkatkan keupayaan peluru berpandu dan memulakan pembinaan pelbagai kapal jenis pemusnah, kapal friget, kapal peronda serta kapal amfibia (O'Rourke 2009). China juga memberikan perhatian khusus bagi pembangunan keupayaan peperangan berbentuk elektromagnetik yang dapat menjejaskan keupayaan sistem operasi dan jaringan pengkomputeran pihak pesaing.

Di sebalik permodenan peralatan ketenteraan, syarikat berkaitan pertahanan ketenteraan milik China cuba menyalurkan amalan perniagaan serta birokrasi bagi meningkatkan kecekapan. Misalnya, kebanyakan firma pertahanan tersebut mengambil langkah seperti mengurangkan masa bagi pembangunan peralatan, meningkatkan kawalan kualiti dan pengeluaran. Dalam pada itu, industri pertahanan tempatan China sedang berusaha melakukan pemindahan teknologi di samping meningkatkan kepakaran tempatan melalui kerjasama luar negara untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan. Firma pertahanan China juga mengadakan kerjasama dengan pelbagai institusi akademik bagi tujuan menyediakan tenaga mahir tempatan di samping meningkatkan latihan teknikal. Langkah menggabungkan perolehan senjata secara langsung dari negara luar melalui pelaksanaan transformasi dengan industri pertahanan tempatan telah menggalakkan China membangunkan dan memperkasakan peralatan ketenteraan mereka.

Kini, China memiliki keupayaan dan kepakaran tempatan bagi membangunkan sistem persenjataan berteknologi tinggi serta terkini seperti menghasilkan peluru berpandu, pesawat pejuang termasuk pembinaan kapal perang pelbagai kelas. Salah satu kebanggaan industri pertahanan tempatan China dalam meningkatkan keupayaan ketenteraan merupakan program angkasa tempatan. Melalui program tersebut, China berjaya melakukan penerokaan angkasa lepas melalui kapal angkasa *Shenzhou-VII* dengan angkasawan pada bulan September 2008 berikutan perlanaran kapal angkasa pertama tanpa angkasawan *Chang'e-1* pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan PLA telah mengambil langkah drastik bagi meningkatkan keupayaan ketenteraan dan organisasi kemanusiaan yang disokong oleh industri pertahanan China yang semakin kukuh.

Membangunkan Kuasa Negara secara Menyeluruh

Rasional disebalik perbelanjaan ketenteraan tinggi dianggap konsisten dengan hasrat kepimpinan China untuk membangunkan kuasa nasional mereka secara menyeluruh. Langkah ini melibatkan kedua-dua elemen kuasa dalaman dan luaran. Dari segi dalaman, penggubal polisi China memberikan fokus terhadap mengekalkan kemakmuran ekonomi, kesatuan domestik dan pengaruh sosial dalam CPC. Dalam pada itu, usaha China menangani ancaman dari kumpulan pemisah di Tibet dan wilayah Xinjiang memberikan cabaran signifikan kepada kerajaan pusat apabila sebahagian dari belanjawan ketenteraan China disalurkan bagi mengawal wilayah tersebut. Dari segi luaran pula, Beijing turut bimbang dengan soal integriti wilayah berkaitan Taiwan namun China ingin memberikan lebih perhatian kepada soal keupayaan mempamerkan kuasa, pengaruh diplomatik dan kedudukan China dalam sistem antarabangsa terlebih dahulu.


Kepimpinan China percaya bahawa untuk mencapai objektif perdana mereka dengan menghalatujukan kebangkitan China ke arah mencapai kedudukan sebagai negara berkuasa besar, adalah penting bagi China mengekalkan suasana antarabangsa yang kondusif bagi meneruskan agenda pertumbuhan ekonomi. Bagi tujuan tersebut, penggubal polisi China mewujudkan Doktrin Pembangunan Aman yang memberikan jaminan kepada dunia melalui polisi retorik dan utama bahawa kebangkitan mereka akan menjadi sumber kestabilan daripada ancaman terhadap orde antarabangsa. Namun, doktrin kebangkitan aman tersebut tidak semestinya menandakan China akan menolak polisi terhadap kebangkitan ketenteraan kerana China menganggap tidak wujud percanggahan antara kedua-dua polisi tersebut. Kepimpinan China telah berulang kali menegaskan bahawa peningkatan dalam belanjawan ketenteraan menepati tujuan bagi melakukan langkah mempertahankan kedaulatan dan integriti wilayah termasuk memberi peluang untuk menyumbang kepada misi keamanan. Kepimpinan China juga turut menekankan bahawa mereka tidak melakukan lebih perbelanjaan dalam ketenteraan jika dibandingkan negara kuasa utama lain memandangkan mereka hanya membelanjakan sebahagian kecil bagi ketenteraan jika dibandingkan perbelanjaan ketenteraan negara lain terutamanya AS.

Walau bagaimanapun, di sebalik penjelasan China terhadap perbelanjaan ketenteraan, terdapat perbahasan berbeza dari pelbagai pihak. Kebanyakan penganalisis merujuk Taiwan sebagai isu utama yang menjadi kuasa penggerak bagi perancangan ketenteraan China. Adalah tidak dinafikan bahawa sejak beberapa dekad sebelum ini, Beijing telah memberikan perhatian khusus terhadap keseimbangan ketenteraan di Selat Taiwan. Tujuan utama China adalah untuk mengelakkan Taiwan dari mengumumkan kemerdekaan mereka secara rasmi untuk keluar dari

Tanah Besar China. Untuk tujuan ini, China mengumumkan pelaksanaan Undang-undang Anti-Pemisahan pada bulan Mac 2005 dengan memperuntukkan China menggunakan tindakan yang dianggap bukan secara aman iaitu melalui tindakan ketenteraan sekiranya kumpulan pemisah di Taiwan cuba meneruskan usaha berpisah dari Tanah Besar China. Sehubungan itu, tindakan China menggunakan ancaman kuasa ketenteraan bagi menghalang deklarasi Taiwan menuntut kemerdekaan banyak mempengaruhi perancangan ketenteraan mereka. China juga dijangka bertindak mematahkan percubaan tentera Taiwan sekiranya negara tersebut cuba melancarkan serangan ke atas China. Pada masa yang sama, China dijangka menangani percubaan campurtangan pihak ketiga terutamanya dari AS. Walaupun beberapa pemimpin Taiwan menganggap tindakan China mempunyai motif ancaman, namun kepimpinan China mendakwa permodenan ketenteraan China terhadap Taiwan hanya bertujuan memelihara kedaulatan wilayah China.

Selain itu, salah satu tujuan utama China meneruskan permodenan ketenteraan adalah kerana keperluan mendadak bagi mendapatkan pasaran global dan sumber tenaga yang menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi. Keperluan tersebut menjadi faktor penting yang mencorakkan sikap strategik China. Pada hakikatnya, China terlalu bergantung kepada sumber dari luar khususnya bagi keperluan besi dan bahanapi hidrokarbon. Bagi menjamin keperluan yang berterusan ke atas sumber yang kritikal tersebut, China perlu mempertahankan laluan maritim utama dunia bagi tujuan import mereka. Sehubungan itu, China yang juga merupakan salah sebuah negara yang melakukan tuntutan terhadap beberapa isu pertindihan wilayah dijangka memperbesarkan perbelanjaan untuk usaha permodenan ketenteraan bagi memperkukuhkan tuntutan mereka. Dalam konteks tersebut, tindakan China mempamerkan keupayaan kuasa ketenteraan secara strategik penting untuk mereka memperkukuhkan kedudukan ketenteraan dalam membuat sebarang tuntutan kedaulatan wilayah. Sepertimana isu Taiwan, kepentingan China bagi mendapatkan pasaran dan sumber termasuk melakukan tuntutan ke atas wilayah yang bertindih menjadi penggerak utama dalam pemikiran penganalisis China terhadap persekitaran geopolitik semasa bagi meningkatkan perbelanjaan ketenteraan. Sehingga kini, kesemua kepentingan strategik tersebut kekal konsisten dengan sasaran utama China untuk membangunkan kuasa negara secara menyeluruh.

RAJAH 4 Tiga (3) tunjang permodenan ketenteraan China



Sumber: Bergsten et al. (2008) dalam *China's Rise: Challenges and Opportunities*

Menurut Miller (2005), program permodenan ketenteraan China mengfokuskan beberapa keutamaan seperti berikut:-

- i. Memiliki keupayaan angkatan Tentera Laut bercirikan *green water* (berhampiran dengan kawasan pantai) termasuk sokongan dari kuasa udara bagi mempertahankan wilayah perairan China yang menjadi tunjang kepada ekonomi industri mereka;
- ii. Meningkatkan keupayaan ketenteraan ke tahap tinggi bagi tujuan menyelesaikan sebarang konflik dengan pantas dan tepat di sepanjang persempadanan China yang panjang di benua Asia dengan beberapa isu pertikaian persempadanan yang belum selesai;
- iii. Mengekalkan keupayaan luas mempertahankan wilayah dan rantau negara dari beberapa negara yang memiliki kuasa ketenteraan paling tinggi di dunia (beberapa negara serantau yang berjiran merupakan potensi kuasa pesaing seperti Jepun, Rusia, India dan blok ASEAN bersama-sama dengan AS di samping lima daripada tujuh negara berkuasa nuklear termasuk Korea Selatan, Jepun, Taiwan yang berpotensi membangunkan senjata nuklear di samping Korea Utara (turut dianggap memiliki senjata nuklear);
- iv. Membangunkan kuasa ketenteraan yang tinggi bagi melakukan desakan terhadap resolusi Taiwan sama ada melalui politik atau kuasa ketenteraan walaupun terdapat campurtangan dari AS. Ini termasuk tuntutan ke atas Kepulauan Spratly di wilayah Laut China Selatan di atas syarat yang dipersetujui Beijing; dan
- v. Mengekalkan tindakan cegahrintang bagi melakukan serangan kedua daripada serangan pertama yang strategik.

KEBANGKITAN KUASA KETENTERAAN CHINA

Menurut Ming Xia (2014), kebangkitan China merupakan proses politik ideal dengan langkah CPC meningkatkan legasi mereka selepas Revolusi Budaya yang telah mempengaruhi keseluruhan negara dengan tiga perkara seperti kepercayaan ideologi; kepercayaan kepada CPC sebagai parti pemerintah; dan keyakinan terhadap masa hadapan negara. CPC menyedari bahawa langkah perundangan berasaskan pencapaian merupakan harapan mereka meneruskan pemerintahan dengan pertumbuhan ekonomi sebagai keutamaan dalam politik. Pada masa yang sama, kejayaan China dalam pertumbuhan ekonomi mempengaruhi implikasi politik yang menjadikan mereka sentiasa diawasi negara serantau dan AS. Sebagai perbandingan, **jadual 2** menunjukkan senarai jumlah anggota tentera dan belanjawan ketenteraan China berbanding lain negara kuasa ketenteraan utama global bagi tahun 2014.

JADUAL 2 Kedudukan jumlah anggota dan perbelanjaan ketenteraan negara kuasa besar dunia berbanding China bagi tahun 2014

B IL	NEGARA	JUMLAH TENTERA (JUTA/RIBU)	BELANJAWAN PERTAHANAN (USD\$ bilion)
i.	AS	1.4	577
i i.	China	2.3	60.4
ii	Rusia	766,055	60.4
i	India	1.3	38
v.	UK	146,980	51.5

Sumber: *Global Firepower* 2014

Kebangkitan kuasa ketenteraan China bersifat ancaman

Tujuan AS menganggap kebangkitan China sebagai ancaman adalah disebabkan kebimbangan terhadap penjejasan kedudukan dan status hegemon mereka dalam politik global di samping ketidaksesuaian menerima ideologi China ke dalam sistem nilai Barat. Pencapaian China yang memberangsangkan dalam ekonomi meyakinkan Barat bahawa hanya masa yang akan menentukan status mereka sebagai negara adidaya pada masa hadapan. Namun, orientasi ideologi China telah menjadikan mereka sebuah negara kuasa revolusioner yang dijangka mengancam status AS dan struktur global semasa. Sehubungan itu, terdapat tiga logik bagi menjelaskan persoalan ancaman China seperti berikut:-

- i. Faktor ideologi dan budaya menjadikan China negara berpotensi memberikan ancaman. Bagi golongan neo-konservatif di Washington, tindakan China mengekalkan amalan dan ideologi Komunis menjadikan mereka dianggap sebagai sesuatu yang negatif. Huntington (1996) pernah menyatakan bahawa faktor budaya merupakan ancaman utama terhadap Barat. Bagi yang menggunakan logik ini sebagai perbincangan, tindakan praktikal AS adalah untuk mewujudkan polisi pembendungan (jangkamas singkat) termasuk persediaan bagi menghadapi konfrontasi (jangkamas panjang) dalam usaha melaksanakan transformasi aman dalam lingkungan China;
- ii. Faktor geopolitik dan geoekonomi. Bagi realis, China sebagai sebuah negara berkuasa besar dan memiliki keluasan wilayah, jumlah populasi tinggi serta ekonomi memberangsangkan perlu meneruskan langkah bagi menjana kepentingan negara walaupun terdapat persoalan terhadap peningkatan elemen nasionalisme yang dianggap berpotensi untuk mereka bertembung dengan AS sekiranya AS menolak untuk menerima atau berkongsi kepimpinan dengan China sebagai sebuah kuasa yang sedang meningkat. Beberapa sarjana China turut bimbang dengan penerimaan elemen demokrasi di negara tersebut yang dapat melenyapkan nasionalisme tegar di kalangan warga China. Keadaan tersebut dijangka menjadikan China bersikap lebih agresif terhadap AS; dan
- iii. Kejatuhan China. Selain itu, terdapat kebimbangan sekiranya China mengalami sindrom kejatuhan seperti Kesatuan Soviet dan menjadi luar kawalan yang berkemungkinan menjadikan keadaan persekitaran serantau menjadi lebih buruk. Saiz populasi China

yang besar juga dijangka mencetuskan masalah seperti pelarian antarabangsa di samping menjadi negara gagal dan mengalami krisis seperti tindakan penguasaan wilayah oleh pihak penguasa, perang saudara, peningkatan jenayah, percambahan senjata nuklear dan sebagainya yang menjadikan mustahil bagi dunia menangani keadaan tersebut.

Daripada beberapa kemungkinan tersebut, AS dijangka melakukan tindakan berbentuk pengekangan atau *demonization* kepada tindakan penglibatan urus atau *romaticization* terhadap China. Hubungan Sino-AS juga dijangka mengalami perubahan dari konflik kepada konfrontasi dan seterusnya kepada persaingan serta kembali kepada konflik. Justeru, hubungan Sino-AS disifatkan sebagai tidak konsisten dan keadaan tersebut jarang mewujudkan usaha bagi kerjasama. Dalam pada itu, Jepun turut mempunyai beberapa alasan untuk berasa kurang selesa terhadap kebangkitan kuasa China. Ini kerana, pada abad sebelumnya, China sering menerima pelbagai tekanan dan tindakan agresif Jepun yang telah menimbulkan perasaan kebencian tinggi terhadap negara tersebut. Tindakan Jepun yang mula mencampuri isu Taiwan di samping sikap pemimpin mereka yang enggan menuntut maaf dari negara serantau di atas tindakan kekejaman mereka semasa Perang Dunia Kedua termasuk pakatan mereka dengan AS amat menjengkelkan China.

Selain itu, pembentukan dan kebangkitan nasionalisme di China melalui gerakan sentimen anti-Jepun menjadikan Jepun sebagai sasaran mudah. Sehingga kini, China dan Jepun masih belum membangunkan satu bentuk rangkakerja bersama bagi menyelesaikan isu tentang pertikaian wilayah dan keadaan tersebut menjadikan hubungan antara kedua-dua negara pada tahap rendah. China juga sering menganggap AS dan Jepun sebagai pencetus terhadap pelbagai perbahasan serta tanggapan mereka mengenai ancaman China. Walaupun China dianggap membawa ancaman ideologi terhadap orde antarabangsa, kebanyakan negara serantau masih mempunyai kepentingan dengan China. Misalnya, bagi negara rantau Asia Tenggara, peningkatan jumlah golongan etnik Cina yang memiliki kekayaan di beberapa negara serantau amat bergantung kepada pertumbuhan ekonomi China dan keadaan tersebut telah mendesak golongan tersebut supaya mula lebih berwaspada menjalinkan hubungan dengan China.

China yang mempunyai keluasan sebuah benua dan memiliki jumlah pelaburan luar secara langsung yang tinggi dengan bilangan jumlah eksport yang semakin meningkat telah secara tidak langsung mewujudkan persaingan dengan negara lain. Pada masa ini, tiada kerajaan di rantau Asia Pasifik mempunyai polisi anti-China yang jelas. Namun, beberapa gerakan demonstrasi anti-China di sebahagian negara serantau seperti Indonesia dan Filipina telah menimbulkan perasaan ketidakpuasan hati yang kuat terhadap China terutamanya mengenai beberapa isu ekonomi serta wilayah di Myanmar, Thailand, Vietnam dan sebagainya. Malah Singapura turut mempunyai pergeseran dengan China apabila tuntutan Singapura terhadap sebahagian dari wilayah milik mereka di Taiwan ditolak China.

Kebangkitan kuasa ketenteraan China bersifat aman

Salah satu usaha China mempamerkan kebangkitan bersifat aman adalah melalui penggubalan Doktrin Pembangunan Aman yang merupakan polisi rasmi China di bawah pimpinan Hu Jintao semenjak tahun 2004. Istilah tersebut digunakan sebagai reaksi balas penolakan terhadap Teori Ancaman China oleh Barat. China yang bangkit sebagai kuasa politik, ekonomi dan ketenteraan dijangka memberi jaminan bahawa kebangkitan mereka tidak memberikan ancaman terhadap mana-mana negara di samping memastikan pengekaln persekitaran keselamatan serantau kekal aman serta makmur. Doktrin ini juga bertujuan menyatupadukan warga China di samping mempromosikan keamanan persekitaran serantau dan antarabangsa dan mempamerkan langkah positif China menggunakan kuasa lunak dalam pelbagai tindakan mereka di arena antarabangsa termasuk menunjukkan yang China juga memiliki keupayaan serta ciri kepimpinan global yang bertanggung jawab terhadap komuniti antarabangsa.

Di samping itu, China juga berikrar memberikan komitmen menyeluruh bagi menyelesaikan pelbagai isu domestik dan serantau di samping berusaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat mereka sebelum melaksanakan langkah menangani hal ehwal global. Selain itu, doktrin ini turut mengelakkan China dari terlibat dalam sebarang bentuk konfrontasi di peringkat antarabangsa. Menurut Thompson (2014), kebangkitan pesat ekonomi China dan peningkatan keyakinan serta hubungan dengan pelbagai negara telah meningkatkan kebimbangan Washington bahawa AS sedang berhadapan dengan pesaing baru untuk dominasi global. Dalam pada itu, Bank Dunia menjangkakan China akan melepasi keupayaan kuasa membeli AS dalam ekonomi seawal dekad ini. Ini bermakna AS akan terjejas sebagai pengeluar sumber terbesar dunia untuk kali pertama sejak melangkaui Britain pada tahun 1876. Kritikan yang lazim dilakukan AS terhadap kejayaan China sering merujuk polisi dagangan China sebagai bersifat *mercantilist* di samping faktor lain seperti peningkatan pelaburan China dalam melakukan serangan siber melalui ketenteraan dan sebagainya yang menunjukkan China sebagai negara “penyangak” yang sedang bangkit.

Namun, tindakan AS tidak membawa kesan kepada China apabila kebanyakan pemimpin PLA yang menghadiri forum di peringkat antarabangsa menyifatkan AS sebagai sebuah negara yang sedang melalui era kemerosotan dan turut menganggap tindak balas terkawal pentadbiran Obama sebagai lemah. Walau bagaimanapun, AS tidak perlu berasa terancam dan juga tidak ada keperluan bagi mereka menjadikan strategi *pivot* atau keseimbangan semula ke rantau Pasifik sebagai langkah awal mencetuskan Perang Dingin bentuk baru. Ini kerana kedinamikan China dianggap masih tidak berupaya menggantikan AS bagi mencapai kedudukan dominan di peringkat global jika dibandingkan dengan Jepun dan Rusia pada satu ketika dulu. Ini disebabkan ekonomi dan budaya AS masih berupaya menghadkan keupayaan China untuk terus pacu ke hadapan.

KESIMPULAN

Kejayaan China untuk berdiri sebagai salah sebuah negara kuasa besar global merupakan kejayaan dari pengaruh kepimpinan China yang melalui pelbagai era. Secara umumnya, kebangkitan China sebagai kuasa ketenteraan global melibatkan tiga fasa utama iaitu ketika era Mao Zedong sehingga era pasca Deng Xiaopeng pada hari ini. Usaha dan kejayaan Mao sejak tahun

1949 telah melahirkan semula China dan meletakkan negara mereka sebagai ‘gergasi merah Asia’ yang dianggap setanding dengan kuasa Barat. Usaha Mao diteruskan Deng yang mempercayai bahawa pembangunan ketenteraan perlu diseimbangi dengan pembangunan ekonomi negara. Deng bukan sahaja dianggap Bapa Permodenan Ekonomi China tetapi juga bertanggung jawab membangunkan dan memodenkan angkatan tentera China yang menjadikan PLA setaraf dengan tentera negara lain seluruh dunia. Pertumbuhan rancak ekonomi yang dicapai China membolehkan mereka memperkasakan aspek pertahanan dan ketenteraan. Selaras dengan perkembangan ancaman semasa, peningkatan teknologi dan keselamatan serantau, China menggunakan kesempatan tersebut dengan memberikan tumpuan utama terhadap aspek memodenkan angkatan tentera dengan teknologi terkini. Deng bertanggung jawab membawa pelbagai perubahan dan penambahbaikan terutamanya dalam hal ehwal ketenteraan (RMA) yang dirintis Mao.

Selain itu, Deng bukan sahaja mengutamakan aspek dasar pertahanan negara tetapi turut mengutamakan permodenan ketenteraan selaras dengan perkembangan teknologi serta keperluan semasa. Deng menjadikan langkah memodenkan kekuatan konvensional dan strategik sebagai keutamaan apabila aspek ketenteraan menjadi sebahagian agenda dalam proses pembentukan dasar negara. Seterusnya, langkah permodenan ketenteraan Deng turut mengukuhkan kebangkitan dan kerelevanan kuasa China sebagai kuasa ketenteraan global. Selepas era Deng, kepimpinan pada hari ini masih meneruskan tanggung jawab membangunkan dan memastikan status China sebagai kuasa tentera yang kukuh di persada antarabangsa. Di bawah kepimpinan Jiang Zemin dan Hu Jintao yang diteruskan Xi Jinping, mereka berusaha menumpukan terhadap aspek keberkesanan ketenteraan dengan memastikan PLA memiliki ciri di samping keupayaan angkatan tentera yang efektif selain memberikan perhatian terhadap perkembangan ancaman serta teknologi semasa. Dalam perkara ini, China lebih menekankan aspek kekuatan strategik seperti program pembangunan nuklear dan peperangan berteknologi tinggi. Menurut Nasrudin (2016), sama ada kebangkitan kuasa ketenteraan China akan berlaku secara aman atau memberikan ancaman amat bergantung kepada sikap China sendiri untuk menangani bentuk kebangkitan mereka. Ini penting supaya dapat mengikiskan pandangan negara serantau terhadap China yang dianggap ancaman dan mula menganggap China sebagai sebuah kuasa baru yang bertanggung jawab terhadap keselamatan, kestabilan, keamanan serta kemakmuran serantau.

RUJUKAN

- Calder, K. 2009. *Pacific Alliance: Reviving US-Japan Relations*. USA: Yale University Press.
- Caragarl, J.F. & Shields, D.C. 1998. *Understanding Communication Theory: The communication forces for human action*. Boston: Allyn & Bscou.
- Dian, M. 2013. *The Evolution of the US-Japan Alliance: The Eagle and Chrysanthemum*. UK: Chandos Publishing (Oxford) Limited.
- D’Souza, D. 1999. *How an Ordinary Man Became an Extraordinary Leader*. Touchstone Rockefeller Centre: New York.
- Elman, C. 2004. *Extending Offensive Realism: The Louisiana Purchase and America’s Rise*

- to Regional Hegemony. *American Political Science Review* 98(4): 563-576.
- Friedberg, A.L. 1998. Europe's Past, Asia's Future. SAIS Policy Forum Series.
- Goldstein, A. 2008. *Rising to the Challenge: China's Grand Strategy and International Security*. Singapore: NUS Press.
- Green, M.J. & Cronin, P. (pnyt.).(1999). *The US-Japan Alliance: Past, Present And Future*. Washington, DC: Brooking Institution Press.
- Jacques, M. 2012. *When China Rules The World*. London: Penguin Books.
- Johnston, A.I. & Evans, P. 1999. China's engagement with multilateral security institutions. Dlm. Johnston, A. & Ross, R. (pnyt.). *Engaging China*. London: Routledge).
- Haggard, S. 2004. The Balance of Power, Globalization, and Democracy: International Relations Theory in Northeast Asia. *Journal of East Asian Studies* 4:1-38.
- Huntington, S.P. 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York, NY: Simon & Schuster.
- Ikenberry, G.J. 2004. Liberalism and Empire: Logics of Order in the American Unipolar Age. *Review of International Studies* 30(4): 609-30.
- Ikenberry, J. 2008. The Rise of China and the Future of the West: Can the Liberal System Survive? *Foreign Affairs*. Januari/Februari.
- Kagan, R. 2012. *The World America Made*. New York: Vintage Books.
- Layne, C. 2008. China's Challenge to US Hegemony. *Current History* 107 (705): 13-18.
- Lilley, J.R. & Shambaugh, D. (pnyt.). 1999. *China's Military Faces the Future*. New York: M.E. Sharpe Inc.
- Md. Nasrudin Md. Akhir. 2016. Temubual di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. 25 April (Isnin), jam 11.00 AM.
- Nye, J.S. 2002. *The Paradox of American Power*. New York: Oxford University Press.
- Mearsheimer, J. 2006. China's Unpeaceful Rise. *Current History* 105(690): 160-162.
- Menges, C.C. 2005. *China: The Gathering Threat*. USA: Nelsom Current.
- Miller, L. 2005. China an Emerging Superpower? *Stanford Journal of International Relations* 6(1).
- Ming Xia. 2014. China Threat or a "Peaceful Rise of China? China Rises Companion/Political Governance. *The New York Times*.
- Mulvenon, J.C 2009. *Chairman Hu and the PLA's "New Historic Missions"*. *China Leadership Monitor* 27(1).
- Okimoto D. & Armacost, M. (pynt.). (2004). *The Future of America's Alliance in Northeast Asia*. Washington, DC: Brooking Institution Press.
- Osius, T. 2002. *The US-Japan Security Alliances: Why It Matters and How to Strengthen It*. USA: Praeger Publishers.
- Rapp, W. 2011. *Paths Diverging? The Next Decade in the U.S.-Japan Security Alliance*. Carlisle Barracks PA: Strategic Studies Institute.
- Rousseau, D.L. 2003. The Rise of China through Realist, Liberal and Constructivist Lenses. Working Paper for the American Political Science Association. Marriott Hotel, Philadelphia, 27 Ogos.
- Rourke, J. & Boyer, M. 2005. *International Politics in the World's Stage*. NY, USA: McGraw-Hill Education.
- Shambaugh, D. 2005. *Power Shift: China and Asia's New Dynamics*. London: University of California Press.
- Sutter, R. 2005. *China's Rise in Asia*. USA: Rowman & Littlefield Publishers.
- Swaine, M.D. & Fravel, M.T. 2011. China's Assertive Behavior, Part Two - The Maritime

Periphery. *China Leadership Monitor* 35.

- Tow, W.T. & Stuart, D.T. (pnyt.). 1981. *China, the Soviet Union, and the West: Strategic and political dimensions in the 1980s*. Westview Press.
- Thompson, L. 2014. Five Reasons China Won't Be A Big Threat To America's Global Power. *Forbes* Jun.
- Viotti, P. & Kauppi, M. 2000. *International Relations and World Politics: Security, Economy, Identity*. Edisi ke-2. USA: Prentice Hall Inc.
- Waltz, K. 1997. Structural Realism after the Cold War. *International Security* 25(1): 5-41.
- Waltz, K. 1993. The Emerging Structure of International Politics. *International Security* 18(2): 44-79.
- Waltz, K. 1979. *Theory of International Politics*. New York: McGraw-Hill.
- Walt, S.M. 1987. *The Origins of Alliances*. USA: Cornell University Press.
- Wang, Y. 1999. Chinese Diplomacy in the Twenty-First Century: Achieving and Balancing Three Needs. *Strategy and Management* 6: 18-27.
- Xiao, R. & Tanner, T. 2010. Roundtable: Chinese Foreign Policy and Domestic Decisionmaking. *Asia Policy* 10: 43 - 101.
- Yuan, J. 2010. Chinese perspectives on the US-Japan alliance. Dlm. Arase, D. & Akaha, T. (pnyt.). *The US-Japan Alliance: Balancing soft and hard power in East Asia*. Abingdon: Routledge.
- Zarina Othman. 2006. Neorealisme dan Institusionalisme dalam Perang dan Keamanan. Dlm. Ghazali Mayudin et al. (pnyt.). *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zhang, M. & Montaperto, R.N. 1999. *A Triad of Another Kind: The United States, China and Japan*. Basingstoke: Macmillan Press Ltd.

Hisham Kamal Othman Kamal, Nor Azizan Idris & Zarina Othman
Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: hishambhepmm@yahoo.com.sg